



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN KOMPETENSI
BLOK 4803 SUITE 0-2 BANGUNAN CBD PERDANA
OFF PERSIARAN MULTIMEDIA
63000 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-8317 9000/1 (Talian Umum)
Faks : 03-8317 9119 (Pentadbiran)
03- 8317 9118
Portal : <http://apps.emoe.gov.my/bppk>

Ruj. Kami : KP(BBPK) 121/ 10 Jld. 2 (30)
Tarikh : 10 Jamadilakhir 1430H
04 Jun 2009

Semua Pengarah Bahagian/ Jabatan
Kementerian Pelajaran Malaysia

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Semua Pegawai Pelajaran Daerah (PPD)

Semua Pengarah Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)

Semua Pengarah Kolej Matrikulasi

Semua Ketua Nazir Negeri

Semua Ketua Penolong Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri

Tuan,

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PENILAIAN KOMPONEN PEMERHATIAN (FUNGSIONAL/ KHUSUS) UJIAN KHAS PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) TAHUN 2009 BAGI ANGGOTA SOKONGAN GRED 1- 16 YANG BERKELULUSAN PMR/ SRP DAN KE BAWAH DI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah menarik perhatian Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/ tuan/ puan mengenai perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa penilaian komponen pemerhatian (fungsional/ khusus) bagi calon Ujian Khas PTK Tahun 2009 yang terdiri daripada Anggota Sokongan Gred 1- 16 di Kementerian Pelajaran Malaysia hendaklah dilaksanakan oleh tiga orang panel penilai seperti berikut:

- i. **Panel penilai pertama:** pegawai atasan/ penyelia yang terdekat kepada pegawai yang dinilai dan mempunyai hubungan kerja secara langsung atau mengawasi kerjanya
- ii. **Panel penilai kedua:** pegawai atasan yang terdekat kepada panel penilai pertama dan mempunyai hubungan kerja dengan pegawai yang dinilai
- iii. **Panel penilai ketiga:** anggota di Jabatan yang sama selain daripada panel penilai pertama dan panel penilai kedua, tetapi berurusan dengan pegawai yang dinilai dalam urusan rasmi

3. Sehubungan itu, calon yang ingin memohon untuk menduduki komponen pemerhatian hendaklah mengikut langkah – langkah seperti yang dinyatakan berikut:

3.1 Arahan kepada pemohon

- (i) Calon yang ingin memohon untuk menduduki komponen pemerhatian hendaklah memohon dan mencetak Borang Permohonan secara *on - line* dengan mengisi maklumat diri dan butir- butir Ujian Khas PTK dalam **Sistem Permohonan Online Ujian Khas PTK** melalui Portal Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi di <http://apps.emoe.gov.my/bppk> mulai **22 Mei hingga 30 Jun 2009**;
- (ii) Permohonan yang telah lengkap diisi secara 'on- line' hendaklah **dicetak sebanyak 2 salinan**. Satu salinan adalah untuk simpanan calon dan satu salinan adalah untuk dikemukakan kepada urusetia PTK di sekolah/ jabatan masing- masing;
- (iii) Cetak **3 salinan** borang pemerhatian yang bersesuaian dari portal BPPK dan kemukakan bersama satu salinan Borang Permohonan secara 'on- line' kepada urusetia PTK di sekolah/ jabatan masing- masing; dan
- (iii) Tarikh tutup permohonan secara 'on- line' dan **pelaksanaan penilaian komponen pemerhatian** Ujian Khas PTK ialah pada **30 Jun 2009**. Sebarang permohonan secara manual **selepas tarikh 30 Jun 2009 tidak akan diproses**.

3.2 Arahan kepada urusetia PTK di sekolah/ jabatan

- (i) Urusetia PTK di sekolah/ jabatan hendaklah mengemukakan salinan Borang Pemerhatian yang berasingan kepada 3 orang panel penilai pemerhatian yang telah dikenalpasti;
- (ii) Borang Pemerhatian yang telah lengkap diisi oleh 3 orang panel penilai pemerhatian berkenaan hendaklah dibuat salinan dan dikemukakan bersama satu salinan Borang Permohonan secara 'on- line' sebelum dihantar kepada urusetia PTK di PPD/ JPN/ Ibu Pejabat Bahagian dalam tempoh **1 Julai** hingga **18 Julai 2009**; dan
- (iii) Urusetia PTK di sekolah/ jabatan adalah diingatkan bahawa Borang Pemerhatian yang telah lengkap diisi hendaklah dikategorikan sulit dan disimpan di dalam Fail Sulit tempat calon bertugas.

3.3 Arahan kepada PPD/ JPN/ Ibu Pejabat Bahagian

- (i) Urusetia PTK di PPD/ JPN/ Ibu Pejabat Bahagian hendaklah memilih mana – mana dua Borang Pemerhatian calon yang mempunyai beza markah yang terdekat; dan
- (ii) Mana – mana dua markah pemerhatian oleh tiga panel penilai pemerhatian yang mempunyai beza yang terdekat akan digunakan sebagai markah pemerhatian yang diambil kira semasa proses penggabungan dan pemurnian markah temuduga dan pemerhatian secara berpusat yang akan diadakan pada **1 – 8 Oktober 2009**.

3.4 Arahan kepada Ketua Jabatan

- (i) Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa makluman ini disebarikan ke sekolah/ jabatan di bawah seliaan masing – masing;


4. Untuk maklumat yang lebih lanjut mengenai perkara di atas, Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/ tuan/ puan boleh melayari portal BPPK di <http://apps.emoe.gov.my/bppk> untuk mendapatkan garis panduan pemerhatian bagi jawatan anggota sokongan Gred 1 – 16 di Kementerian Pelajaran Malaysia di bawah ruangan Makluman Ujian Khas PTK.

Di atas segala kerjasama Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/ tuan/ puan berikan di dalam hal ini adalah sangat – sangat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CINTAILAH BAHASA KITA”

Saya yang menurut perintah,



(JOANNA ZAHRA AUGUSTINE LIOM)

Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi
Kementerian Pelajaran Malaysia
b.p. Ketua Setiausaha

Tel : 03-8317 9063

Faks : 03-8317 9090

- s.k:**
- 1. SUB (BPPK)**
 - 2. TSUB (PK)**
 - 3. TSUB (P)**
 - 4. KPSU (E)**
 - 5. KPSU (PP)**